

## **SOALAN LAZIM (FAQ) RUU PERLINDUNGAN SAKSI (PINDAAN) 2026**

### **FASAL 2: PERMOHONAN KEMASUKAN KE DALAM PROGRAM OLEH IBU ATAU BAPA ATAU PENJAGA BAGI SAKSI YANG TIADA KEUPAYAAN UNDANG-UNDANG (PINDAAN SUBSEKSYEN (7)(3))**

**1. Soalan:** Bagaimanakah Bahagian Perlindungan menentu sahkan bahawa seseorang saksi itu benar-benar "tidak mempunyai keupayaan undang-undang"? Adakah penilaian ini memerlukan laporan perubatan atau pengesahan daripada pakar psikiatri/klinikal kerajaan terlebih dahulu sebelum permohonan penjaga diterima?

**Jawapan:** Penentuan sama ada seseorang saksi itu "tidak mempunyai keupayaan undang-undang" tidak akan dibuat secara sewenang-wenangnya. Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) akan meminta ibu atau bapa atau penjaga mengemukakan laporan perubatan atau penilaian klinikal daripada pakar perubatan atau pakar psikiatri berhubung keadaan saksi itu semasa permohonan dibuat.

**2. Soalan:** Apakah tindakan kerajaan sekiranya wujud konflik kepentingan, di mana ibu bapa atau penjaga enggan memberi keizinan atau enggan memohon perlindungan bagi pihak saksi tersebut kerana mereka sendiri terlibat dalam jenayah yang disaksikan atau dipengaruhi oleh pihak tertuduh? Bolehkah pihak ketiga lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pegawai penyiasat dibenarkan membuat permohonan dalam situasi sedemikian?

**Jawapan:** Pihak ketiga tidak boleh memohon terus di bawah Akta 696 sekiranya terdapat isu keizinan oleh ibu atau bapa atau penjaga sah saksi tersebut.

### **Fasal 3: PERJANJIAN PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI (SEKSYEN BAHARU 10A dan 10B)**

**1. Soalan: Memandangkan perjanjian ini memberi kuasa untuk menamatkan perlindungan jika peserta melanggar terma, apakah mekanisme semak dan imbang yang wujud untuk memastikan penamatan ini tidak dibuat sewenang-wenangnya?**

**Jawapan:** Kuasa penamatan tidak terletak pada Ketua Pengarah semata-mata. Ketua Pengarah hanya boleh mengesyorkan penamatan kepada Peguam Negara dan kuasa untuk menamatkan Program peserta terletak pada Peguam Negara.

Pindaan yang dicadangkan dalam seksyen 16(1)(ca) memperuntukkan bahawa pelanggaran terma perjanjian secara sengaja menjadi salah satu alasan untuk Ketua Pengarah membuat syor penamatan tersebut. Sekiranya hal ini berlaku, prosedur penamatan Program seseorang peserta perlu dipatuhi di bawah seksyen 16 Akta 696, termasuklah memberikan kepada peserta suatu peluang untuk didengar sebelum keputusan penamatan dibuat.

**2. Soalan: Sekiranya peserta Program tidak bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian, apakah jalan penyelesaian?**

**Jawapan:** Kemasukan saksi ke dalam Program adalah atas dasar sukarela. BPJPM meletakkan terma dan syarat perlindungan yang akan diberikan kepada peserta Program serta perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa berada dalam Program dalam perjanjian tersebut. Kesan kepada pelanggaran terma dan syarat Program juga dinyatakan dalam perjanjian tersebut. Semua ini bagi memastikan perlindungan yang berkesan diberikan kepada peserta Program.

Semasa peringkat siasatan terhadap permohonan yang diterima, Cawangan Siasatan BPJPM akan memaklumkan kepada saksi yang memohon tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa berada dalam Program dan keperluan untuk menandatangani perjanjian. Oleh itu, sekiranya saksi tidak bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian, saksi boleh memohon untuk menarik balik permohonan atau untuk ditamatkan daripada Program.

**3. Soalan: Adakah peserta Program mempunyai ruang untuk rundingan semula atau mengubah terma dan syarat perjanjian?**

**Jawapan:** Dalam perjanjian akan diperuntukkan klausa berhubung pindaan atau variasi perjanjian yang mana Kerajaan dan peserta boleh mengubah terma dan syarat perjanjian dengan persetujuan kedua-dua pihak.

**4. Soalan: Apakah terma dan syarat yang ditetapkan di bawah perjanjian?**

**Jawapan:** Antara terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian adalah tanggungjawab peserta dalam mematuhi terma dan syarat Program, kehadiran ke mahkamah untuk memberikan keterangan, persetujuan peserta terhadap kaedah perlindungan yang ditetapkan oleh BPJPM serta tanggungjawab BPJPM dalam memberikan perlindungan keselamatan dan bantuan kepada peserta.

**5. Soalan: Perlanggaran kepada terma dan syarat perjanjian oleh peserta Program boleh mengakibatkan perlindungan dan bantuan yang diberikan kepada peserta itu di bawah Program boleh ditamatkan. Dalam perkara ini, adakah peranan peserta sebagai saksi akan terjejas sekiranya perlindungan dan bantuan di bawah Program ditamatkan?**

**Jawapan:** Peranan peserta sebagai saksi pendakwaan masih kekal. Hanya perlindungan keselamatan sahaja yang tidak lagi diberikan sekiranya Program ditamatkan. Perlindungan keselamatan kepada saksi boleh diberikan oleh agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

**6. Soalan: Dalam keadaan bagaimana yang boleh membuatkan peserta melanggar perjanjian sehingga perlindungan dan bantuan di bawah Program boleh ditamatkan?**

**Jawapan:** Peserta tidak patuh terma dan syarat yang ditetapkan di bawah Program terutamanya yang menyentuh aspek keselamatan peserta seperti contoh peserta enggan mengikut nasihat dan arahan BPJPM untuk menempatkan semula peserta ke

penempatan baharu yang lebih selamat. Ada terdapat juga keadaan yang peserta terlibat dengan aktiviti jenayah seperti pengambilan dadah.

**7. Soalan: Apakah lagi implikasi perundangan lain yang akan terpakai kepada peserta yang melanggar perjanjian ini selain daripada penamatan Program?**

**Jawapan:** Implikasi perundangan yang dinyatakan secara jelas bagi pelanggaran terma perjanjian ialah perlindungan dan bantuan di bawah Program boleh ditamatkan. Selain itu, sekiranya perbuatan pelanggaran terma itu merupakan suatu perbuatan yang diklasifikasikan sebagai kesalahan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696], peserta boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dengan hukuman seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta 696.

**8. Soalan: Apakah bentuk "jawatan yang ditetapkan" seperti yang disebut dalam subseksyen 10A(4), dan di hadapan siapa perjanjian itu akan ditandatangani?**

**Jawapan:** Pegawai yang ditetapkan adalah sebagaimana arahan Ketua Pengarah di bawah Perintah-Perintah Tetap seperti Pendaftar yang juga merupakan Pegawai Undang-Undang. Ketetapan ini adalah mengikut amalan kerja semasa.

**9. Soalan: Apakah status perjanjian sedia ada yang telah dimasuki oleh peserta dengan BPJPM sebelum pindaan Akta 696 ini berkuat kuasa?**

**Jawapan:** Peruntukan kecualian (*savings provision*) di bawah S.10B memperuntukkan bahawa perjanjian sedia ada yang telah dibuat antara peserta Program dengan Kerajaan sebelum mula berkuat kuasanya pindaan Akta ini akan terus berkuat kuasa selagi perjanjian tersebut masih berkuat kuasa di sisi undang-undang dan pihak-pihak kepada perjanjian adalah tertakluk kepada hak dan obligasi di bawah Akta ini.

#### **Fasal 4: BANTUAN PSIKOLOGI TERMASUK KAUNSELING KEPADA PESERTA (PINDAAN SUBSEKSYEN 13(2))**

**1. Soalan: Bagaimana Kerajaan dapat pastikan pelaksanaan bantuan psikologi yang diberikan kepada peserta Program ini tidak disalah guna sebagai sesi “*witness coaching*” di mana peserta Program akan diajar untuk menjawab soalan semasa memberikan keterangan di mahkamah.**

**Jawapan:**

Bentuk sokongan psikologi yang dicadangkan dalam pindaan ini adalah bantuan profesional yang menumpukan kepada aspek kesihatan mental dan kesejahteraan emosi peserta Program termasuk pengurusan trauma, kebimbangan, tekanan dan ketakutan. Sokongan psikologi ini akan dilaksanakan secara professional oleh pegawai psikologi yang bertauliah dan mengikut etika amalan kerja yang sepatutnya dan bukannya bertujuan untuk memberi latihan atau arahan berkenaan cara menjawab soalan semasa peserta Program memberi keterangan di mahkamah. Sokongan psikologi ini serupa seperti bantuan psikologi yang diberikan kepada mangsa penderaan atau pemerdagangan orang di bawah perlindungan jabatan Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan mereka dapat menjalani proses perbicaraan dengan emosi yang stabil.

**2. Soalan: Bagaimana bantuan psikologi termasuk kaunseling diberikan kepada peserta Program?**

**Jawapan:** Penilaian tahap kesihatan mental dan emosi setiap peserta Program dilaksanakan secara berkala oleh Bahagian Perlindungan Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) bermula seawal fasa kemasukan ke dalam Program. Bagi memastikan saringan yang tepat, peserta akan dirujuk ke hospital berhampiran untuk menjalani pemeriksaan psikologi dan psikiatri yang komprehensif.

Sekiranya keputusan penilaian adalah baik, peserta akan terus dipantau secara berkala sepanjang berada di bawah Program. Sekiranya terdapat keperluan intervensi, pelan rawatan khusus atau sesi terapi akan diaturkan bersama pakar perubatan hospital berkenaan demi menjaga kebajikan emosi peserta.

Dari segi perkhidmatan kaunseling, buat masa ini, BPJPM tidak mempunyai pegawai psikologi dalaman. Oleh itu, sokongan kaunseling diberikan melalui kaedah berikut:

- i. **Kolaborasi Agensi:** BPJPM memanfaatkan kepakaran pegawai psikologi sedia ada daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengendalikan sesi kaunseling peserta.
- ii. **Perancangan Masa Depan:** Memandangkan keperluan emosi saksi di bawah Program Perlindungan Saksi adalah sangat kritikal dan sensitif, BPJPM sedang mengkaji keperluan untuk menambah perjawatan tetap pegawai psikologi dalaman. Langkah ini bagi memastikan perkhidmatan sokongan mental dapat diberikan secara terus, tersusun, dan lebih holistik pada masa hadapan.

## **Fasal 5: SOKONGAN DAN BANTUAN KEPADA BEKAS PESERTA (PINDAAN SEKSYEN 16)**

**1. Soalan: Mengenai subseksyen 16(12) dan 16(13) yang baharu, apakah kriteria yang akan digunakan oleh Ketua Pengarah untuk menentukan sokongan dan bantuan yang “perlu dan munasabah” kepada bekas peserta Program?**

**Jawapan:** Kuasa diberikan kepada Ketua Pengarah untuk membuat pertimbangan sebagaimana yang didapatinya perlu dan munasabah demi perlindungan dan kebajikan bekas peserta Program tersebut. Oleh itu, apa-apa bantuan yang diberikan adalah bantuan yang berbentuk keperluan asas seperti penyediaan tempat tinggal yang selamat, bantuan kewangan untuk membeli keperluan asas seperti makanan, minuman dan pakaian, dan bantuan untuk mendapatkan pekerjaan serta akses

kepada pendidikan di penempatan semula. Bantuan ini bertujuan untuk memastikan bekas peserta dapat menjalani peralihan hidup dengan selamat dan selesa selepas keluar daripada Program.

**2. Soalan: Adakah terdapat tempoh masa sokongan dan bantuan boleh diberikan kepada bekas peserta?**

**Jawapan:** Matlamat utama peruntukan ini adalah untuk memastikan bekas peserta Program dapat menjalani peralihan hidup dengan selamat dan selesa sejurus selepas Peguam Negara membuat keputusan menamatkan Program seseorang peserta. Oleh itu, bantuan yang diberikan adalah bersifat sekali beri (*one-off*) dan bukan untuk suatu tempoh berkala.

**3. Soalan: Adakah bantuan kewangan "one-off" kepada bekas peserta mencukupi, dan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan bantuan berkala?**

**Jawapan:** Ya, mencukupi kerana bantuan kewangan tersebut dapat menanggung kos bagi permulaan hidup baharu bekas peserta seperti bayaran sewa rumah, kos pemindahan harta ke kediaman baharu dan pembelian tiket penerbangan bagi peserta bukan warganegara. Matlamat utama bagi pemberian bantuan kepada bekas peserta Program adalah untuk memastikan bekas peserta dapat menjalani peralihan hidup dengan selamat dan selesa selepas keluar daripada Program.

**4. Soalan: Bagaimana Kerajaan/BPJPM dapat menjamin keselamatan bekas peserta selepas mereka keluar daripada Program?**

**Jawapan:** Keselamatan bagi bekas peserta Program dipastikan melalui pendekatan berasaskan penilaian risiko oleh Ketua Pengarah sebelum peserta dilepaskan daripada perlindungan BPJPM yang merangkumi bantuan seperti penyediaan tempat tinggal yang selamat, bantuan kewangan bagi keperluan asas, bantuan mendapatkan pekerjaan serta akses kepada pendidikan di lokasi penempatan semula. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan pendedahan bekas peserta kepada risiko keselamatan

serta membantu mereka menjalani kehidupan yang stabil selepas keluar daripada Program.

Walau bagaimanapun, selepas seseorang tamat daripada Program, mereka bukan lagi peserta Program Perlindungan Saksi. Sekiranya bekas peserta menerima ancaman baharu atau menghadapi apa-apa insiden yang menjejaskan keselamatan mereka selepas tamat Program, mereka hendaklah membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk tindakan lanjut mengikut undang-undang yang berkuat kuasa. Sekiranya keadaan memerlukan permohonan baharu untuk dimasukkan ke dalam Program boleh dipertimbangkan mengikut peruntukan Akta 696.

## **FASAL 6: PERINTAH-PERINTAH TETAP (SEKSYEN BAHARU 29A)**

**1. Soalan: Bagi tujuan ketelusan, adakah "Perintah-Perintah Tetap" di bawah Seksyen 29A akan dibentangkan di Parlimen atau boleh diakses oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen?**

**Jawapan:** Seksyen 29A yang dicadangkan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan garis panduan atau arahan berhubung mekanisme pelaksanaan Program, termasuk tindakan di bawah Seksyen 13 Akta 696. Garis panduan ini akan dikeluarkan dalam bentuk Perintah-Perintah Tetap yang mengandungi maklumat terperinci dan sulit berkaitan prosedur operasi serta langkah-langkah perlindungan keselamatan terhadap peserta Program.

Atas faktor kerahsiaan operasi, Perintah-Perintah Tetap ini diklasifikasikan sebagai dokumen dalaman dan tidak akan dibentangkan di Parlimen atau didedahkan kepada mana-mana Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Amalan ini adalah selaras dengan standard agensi penguatkuasaan dan keselamatan lain, di mana dokumen operasi yang bersifat taktikal dan melibatkan keselamatan individu tidak didedahkan secara terbuka bagi mengelakkan sebarang risiko pendedahan atau ancaman terhadap keberkesanan pelaksanaan operasi tersebut.

**2. Soalan: Bagaimanakah Kerajaan memastikan "Perintah-Perintah Tetap" yang dikeluarkan tidak bercanggah dengan hak asasi peserta program?**

**Jawapan:** Seksyen baharu 29A yang dicadangkan menyatakan bahawa Perintah-Perintah Tetap tersebut mestilah selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini. Ini bermakna perintah tersebut tidak boleh melangkaui atau bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan dalam Akta Perlindungan Saksi 2009.

**3. Soalan: Apakah status arahan pentadbiran yang telah dibuat sebelum pindaan Akta 696 ini berkuat kuasa?**

**Jawapan:** Peruntukan kecualian (*savings provision*) di bawah subseksyen 29A(2) memperuntukkan bahawa arahan-arahan pentadbiran yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sebelum kuat kuasa pindaan ini disifatkan sebagai sah, dan akan terus berkuat kuasa di bawah Akta 696.

